

13/07/2001

Ahli Kongres AS tidak minat sokong Wan Azizah

Munaarfah Abu Bakar

KUALA LUMPUR, Khamis - Pertemuan Presiden Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Datin Seri Wan Azizah Ismail dengan beberapa anggota Kongres Amerika Syarikat dikatakan menemui kegagalan apabila ada yang tidak berminat memberi sokongan kepadanya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Rais Yatim berkata, beliau dimaklumkan kumpulan pelobi Keadilan di Amerika gagal menembusi benteng Senat bagi tujuan meluaskan pengaruh mereka.

"Daripada maklum balas yang diterima, lawatan beliau (Wan Azizah) di sana tidak mendapat sambutan hebat. Malah liputan sidang akhbar hanya dibuat oleh lima media," katanya kepada Berita Harian, hari ini.

Beliau mengulas mengenai lawatan Wan Azizah ke beberapa negara untuk memburuk-burukkan kerajaan yang didakwa menganiaya Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Dalam satu wawancara dengan stesen televisyen satelit di Doha, Qatar pada 4 Julai lalu, Wan Azizah menuduh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai perancang kejatuhan Anwar.

Sebelum itu, Wan Azizah turut menghadiri forum Anti-ISA yang dianjurkan bersama Amnesty International dan Amnesty cawangan Malaysia di London yang mana ahli panelnya terdiri dari Pengasas dan Pegawai Eksekutif Malaysiakini.com, Premesh Chandran serta ahli Jawatankuasa Pas Pusat, Dr Hatta Ramli.

Beliau juga berada di Amerika Syarikat sebagai penceramah di persidangan Islamic Society of North America (ISNA) di Indianapolis. Di sana, Wan Azizah mengadakan pertemuan dengan Presiden Bank Dunia, Jim Wolfensohn dan beberapa anggota Kongres Amerika.

Dr Rais berkata, tindakan Wan Azizah menggunakan platform antarabangsa bagi meraih simpati terhadap Anwar itu jelas membuktikan Keadilan semakin terdesak.

Beliau berkata, kerajaan memantau kegiatan antikerajaan yang dilakukan oleh parti pembangkang serta badan bukan kerajaan (NGO) di luar negara.

(END)